


www.mykhilafah.com

BOLEHKAH DNA MENJADI BUKTI?

Kes perbicaraan liwat yang membabitkan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Mohd Saiful Bukhari sedang hangat berlangsung sekarang. Kes yang disifatkan Anwar sebagai penuh konspirasi ini kini mengundang kekecohan berikutkan keengganan ketua pembangkang itu untuk menyerahkan sampel asid deoksiribonukleik (DNA)nya. Pada perbicaraan 17 Februari lepas, menurut keterangan ahli kimia, Dr. Seah Lay Hong, analisis DNA di bahagian atas rektum (dubur) Mohd. Saiful Bukhari Azlan menunjukkan kehadiran DNA dia sendiri dan DNA seorang lelaki lain yang dilabelkan sebagai ‘Lelaki Y’ yang merupakan penyumbang DNA yang dominan. DNA ‘Lelaki Y’ juga ditemui pada seluar dalam kelabu kepunyaan Saiful. Beliau seterusnya berkata, analisis DNA di sekitar perianal (bahagian luar dubur) pengadu pula menunjukkan campuran DNA yang disumbangkan oleh Saiful, Lelaki Y dan seorang lagi lelaki [UM 17/02/11]. Pada hari perbicaraan berikutnya, Dr. Seah menyatakan bahawa dia tidak mengetahui siapa penyumbang profil DNA ‘Lelaki Y’ yang ditemui itu kerana dia hanya menerima sampel tomopokan darah milik Mohd. Saiful Bukhari sebagai perbandingan profil DNA dan tiada sampel lain diperoleh untuk analisis yang dijalankannya [UM21/02/11]. Dalam perkembangan yang berkaitan, desakan agar Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan sampel DNA secara sukarela bagi menyelesaikan misteri lelaki ‘Y’ terus disuarakan lebih 30 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berhimpun di Hotel Grand Seasons. Malah, kesemua yang hadir pada perhimpunan anjuran Gabungan NGO Malaysia (GNM) itu turut sepandapat meminta mahkamah serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan kuasa bagi mendesak Ketua Pembangkang tersebut berbuat demikian sekiranya beliau masih berdegil [UM 17/03/11]. Di Nibong Tebal Angkatan Muda Keadilan (AMK) Pulau Pinang dengan kerjasama PAS dan DAP mengadakan demonstrasi membantah tindakan sesetengah pihak yang disifatkan cuba mempolitikkan isu DNA Anwar. Ketuanya, Amir Md Ghazali ketika mengetuai demonstrasi aman di perkaran tol Jawi pada 16 Mac lepas, berkata, bantahan yang diadakan oleh badan bukan kerajaan atau NGO kebelakangan ini adalah didalangi oleh Umno dan Barisan Nasional (BN). Dalam masa yang sama di dewan parlimen, Ahli Parlimen Kuala Krai, Dr Mohd Hatta Ramli membantkitkan isu pertuduhan liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat yang mencetuskan kemarahan anggota parlimen kerajaan. Perdebatan tercetus selepas Hatta dalam perbahasan Titah Diraja, menyentuh kempen yang akan dibuat PKR sebagai respons kepada isu liwat membabitkan Ketua Pembangkang yang bertemakan DNA-Datuk Najib Altantuya [harakahdaily.net]. Sautun Nahdah siri 207 (tajuk: Anwar Saiful Dan...) telah pun menyentuh isu perbicaraan liwat Anwar-Saiful yang tidak dijalankan mengikut Islam dan kali ini, kita akan membincangkan satu lagi kesalahan perbicaraan yang dilakukan oleh mahkamah *taghut* ini dari aspek ‘pembuktian’ (*al-baiyyinat*) yang digariskan oleh Islam.

Jenis-jenis Pembuktian Di Dalam Islam

Hukum-hukum pembuktian (*ahkam al-baiyyinaat*) menurut Islam adalah sama seperti halnya hukum-hukum Islam yang lain, di mana, ia merupakan hukum-hukum syarak yang digali dari dalil-dalil yang bersifat *tafsiliyyah* (terperinci). Syeikh Ahmad ad-Da’ur mendefinisikan ‘bukti’ (*al-baiyyinat*) sebagai ‘semua hal atau perkara yang dapat membuktikan sesuatu dakwaan’. Bukti juga merupakan hujah bagi orang yang mendakwa atas dakwaannya. Islam menjelaskan bahwa *al-baiyyinat* (bukti) itu terdiri dari 4 jenis iaitu (i) Pengakuan (ii) Sumpah (iii) Kesaksian (iv) Dokumen-dokumen bertulis yang meyakinkan. Keempat-empat bukti di atas adalah bukti-bukti yang telah ditetapkan oleh syarak dan tidak ada bukti-bukti yang lain yang diiktiraf oleh syarak selain dari 4 kategori bukti di atas. Banyak pihak yang masih terkeliru yang menganggap bahawa ‘indikasi’ (*qarinah*) adalah bukti, walhal *qarinah* tidaklah termasuk sebagai bukti menurut syarak [Syeikh Ahmad ad-Da’ur, *Ahkam al-Baiyyinat Fil Islam*].

Untuk mengatakan/memasukkan sesuatu itu sebagai *baiyyinat* (bukti), maka ia hendaklah berdasarkan dalil, bukannya berdasarkan akal, apatah lagi berdasarkan undang-undang *taghut* yang ada sekarang. ‘Pengakuan’ (*al-iqrar*) telah ditetapkan (sebagai bukti) berdasarkan nas yang jelas, yang tercantum di dalam Al-Quran dan juga Hadis. Allah SWT berfirman, “Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janji dari kamu (iaitu) kamu tidak akan menumpahkan darahmu (membunuh orang) dan kamu tidak akan mengusir dirimu (saudaramu) dari kampung halamanmu, kemudian kamu berikrar (akan memenuhinya) sedang kamu mempersiksikannya” [TMQ al-Baqarah (2):84]. Maksudnya, kemudian kalian berikrar (memberi pengakuan) dengan isi perjanjian tersebut dan kebenarannya. Dan Allah SWT telah menetapkan bahawa *iqrar* (pengakuan) mereka, lalu *iqrar* mereka menjadi hujah bagi mereka. Dalam hadis tentang Ma’iz telah disebutkan dari Ibnu ‘Abbas, “Bahawa Nabi SAW bertanya kepada Ma’iz bin Malik, ‘Apakah benar apa yang telah disampaikan kepadaku tentang dirimu?’ Ma’iz bertanya kembali, ‘Apakah yang telah disampaikan kepadamu tentang diriku?’ Nabi SAW menjawab, ‘Telah sampai berita kepadaku bahawa engkau telah berzina dengan hamba perempuan keluarga si fulan’. Ma’iz menjawab, ‘Benar’. Kemudian bersaksihah empat orang saksi. Lalu Rasulullah SAW memerintahkan agar Ma’iz direjam. Maka direjamlah Ma’iz.” Dalam sebuah hadis lain, Nabi SAW bersabda, “Wahai Unais (seorang lelaki dari Bani Aslam)! Temui lah wanita itu, jika dia mengaku, maka rejamlah dia.”

‘Sumpah’ (*al-ayman*) telah ditetapkan dalilnya (sebagai *baiyyinah*) baik di dalam Al-Quran maupun As-Sunnah. Allah SWT berfirman, “Allah

tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksud (untuk bersumpah), tetapi Dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sangga, maka kaffarat (melanggar) sumpah itu ialah memberi makan sepuluh orang miskin, iaitu dari makanan yang biasa kamu berikan kepada keluargamu atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekaan seorang hamba. Barangsiapa yang tidak sanggup melakukan yang demikian, maka kaffaratnya adalah puasa selama tiga hari. Yang demikian itu adalah kaffarat sumpah-sumpahmu bila kamu bersumpah (dan kamu langgar)” [TMQ al-Maidah (5):89]. Di dalam hadisnya, Rasulullah SAW bersabda, “Bukti itu wajib bagi orang yang mendakwa sedangkan sumpah itu wajib bagi orang yang mengengkari(menafikan)nya.”

‘Kesaksian’ (*syahadat*) juga telah ditetapkan dalilnya (sebagai *baiyyinah*), baik dalam Al-Quran maupun As-Sunnah. Allah SWT berfirman, “Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki di antara kamu. Jika tak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan” [TMQ al-Baqarah (2):282]. Nabi SAW bersabda, “Dua saksi dari kalian atau sumpahnya.”

Sedangkan ‘dokumen-dokumen bertulis’ telah ditetapkan dalilnya (sebagai *baiyyinah*) di dalam Al-Quran. Allah SWT berfirman, “Dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil maupun besar sampai batas waktu membayarinya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan persaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah muamalahmu itu), kecuali jika muamalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu tidak menulisnya” [TMQ al-Baqarah (2):282]. Ayat ini menunjukkan bahawa bukti-bukti bertulis, baik berupa dokumen-dokumen perdagangan, laporan-laporan tertulis dan lain-lain adalah termasuk dalam kategori bukti-bukti (*al-baiyyinat*) secara *syarie*.

MUNAQASHAH (DISKUSI)

“SAATNYA KHILAFAH MEMIMPIN DUNIA?”

Tarikh: 27 Mac 2011 (Ahad)
Tempat: Bilik Seminar, Khilafah Centre, No. 47-1, Jalan 7/7A,
Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor (Tel: 03-89223149)
Masa: 8.30 pagi - 12.30 tghari

Ahli Panel: (1) Ust Abdul Hakim Othman (Presiden HTM)
(2) Ust Umar Hussein (Timb. Presiden HTM)

= Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir, Masuk Percuma =

Kesemua jenis *baiyyinat* yang telah disebutkan di atas adalah digali (dan telah ditetapkan) dalilnya dari Al-Quran dan juga As-Sunnah. Sedangkan indikasi (*qarinah*) tidak dianggap (tidak termasuk) sebagai sebahagian dari *baiyyinat* secara *syarie*, tidak kira samada *qarinahnya* bersifat *qat'ie* (pasti) maupun tidak. Sebab, tidak ada satu dalil/nas pun yang menunjukkan bahawa ‘indikasi’ (*qarinah*) merupakan *baiyyinah* yang *syarie*. *Baiyyinah* tidak diakui sebagai *baiyyinah* yang *syarie* kecuali ada dalil yang menetapkannya atau termasuk sebahagian dari dalil-dalil. Oleh kerana itu, seorang detektif/penyiasat atau anjing pembantu tidak termasuk sebagai *baiyyinat* yang *syarie*. Walaupun benar bahawa *qarinah* seorang detektif atau anjing pembantu dan sebagainya boleh digunakan untuk menyelidiki/menyiasat suatu kejadian, akan tetapi ‘penyelidikan/siasatan’ dan ‘bukti’ adalah dua hal yang berbeza. Pelbagai hal mungkin sahaja boleh digunakan untuk menyiasat, misalnya ‘ucapan’ seorang pembunuhan yang menuduh bahawa orang lain (si fulan bin si ulan) adalah orang yang membunuh. Ucapan ini boleh sahaja digunakan untuk menyiasat si fulan, tetapi ia tidak boleh dijadikan sebagai bukti atas suatu dakwaan.

Rasulullah SAW ketika bertanya tentang seorang *jariyah* (hamba perempuan) yang terbunuh, siapakah yang telah membunuhnya, kemudian disebut nama si fulan dan si fulan, yang mengisyaratkan kepada nama seorang Yahudi, baginda tidak menetapkan ucapan itu sebagai *baiyyinah* meskipun baginda tetap melakukan penyiasatan terhadap lelaki Yahudi tersebut berdasarkan apa yang didengarnya tadi. Selanjutnya, lelaki Yahudi itu dipanggil dan dia mengakuinya, maka Yahudi itu pun dibunuh (*qisas*). Demikianlah kedudukan *qarinah* atau yang sejenisnya yang harus diselidiki terlebih dahulu, tetapi tidak boleh dijadikan sebagai bukti.

Adapun tentang keterangan atau maklumat yang diperolehi dari orang-orang yang ahli/pakar, laporan-laporan yang jelas dan terang dari pakar dan sebagainya, kesemua hal ini tidak termasuk sebagai *baiyyinah*. Kesemuanya hanyalah sekadar informasi (*khabar*) dan *khabar* ini boleh dibangun di atas dasar *dzan* (sangkaan kuat) dan dalam masalah ini ia cukup disandarkan kepada berita *ahad* (berita yang tidak sampai ke derajat yang meyakinkan). Namun *khabar* ini tetap tidak boleh dijadikan sebagai *baiyyinah* untuk memperkuatkan dakwaan. *Khabar* hanya boleh dijadikan penguat untuk menguatkan salah satu perkara dari perkara-perkara dakwaan. Bagi orang yang memberikan *khabar* tersebut, sah untuknya menyampaikan *khabarnya* berdasarkan *dzan* (sangkaan kuat)nya.

Bolehkah DNA Dijadikan Bukti?

Perkembangan sains dan teknologi pada hari ini telah melahirkan satu lagi hasil kajian sains yang digunakan di mahkamah iaitu penggunaan DNA sebagai bahan bukti. Ia telah banyak digunakan di mahkamah-mahkamah di seluruh dunia sebagai bukti sama ada untuk mensabitkan atau melepaskan seseorang dari suatu dakwaan. Di Malaysia, rang undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 18 Ogos 2008 oleh Menteri Dalam Negeri ketika itu, Datuk Seri Syed Hamid Albar. Ia bertujuan mewajibkan suspek kes jenayah memberikan sampel DNA mereka kepada pihak berkuasa dan jika rang undang-undang itu diluluskan, tertuduh dan suspek kes jenayah yang enggan memberi sampel DNA boleh dikenakan hukuman. Apa yang pasti, rang undang-undang ini mula dibentangkan di Parlimen sebaik sahaja kes liwat yang membabitkan Anwar Ibrahim ingin dimulakan. Namun hingga ke hari ini, tidak kedengaran perkembangan terkini tentang rang undang-undang ini.

Apa pun, melihat kepada perbicaraan liwat Anwar sekarang, UMNO-BN kini sedang berusaha dan sedang memperkudakan NGO-NGO prokerajaan untuk mendesak mahkamah dan polis campurtangan untuk mendapatkan DNA ahli parlimen Permatang Pauh itu. Persoalannya, bolehkah DNA dijadikan bukti di mahkamah untuk mensabitkan seseorang (dalam kes ini, Anwar)? Berdasarkan apa yang telah diterangkan di atas, sesungguhnya ‘bukti’ di dalam Islam itu hanyalah empat jenis sahaja dan tidak lebih dari itu. Selain empat jenis tersebut, apa yang relevan yang dikemukakan kepada mahkamah hanyalah boleh menjadi *qarinah* tetapi tidak boleh digunakan sebagai ‘bukti’ untuk mensabitkan seseorang. Menggunakan *qarinah* untuk mensabitkan seseorang adalah salah dari sisi Islam dan merupakan suatu kezaliman. *Ahkamul bayyinat* (hukum-hukum pembuktian) di

dalam Islam telah pun jelas dan sempurna sejak zaman Rasulullah lagi dan tidak boleh ditokok tambah dengan sains dan teknologi. Ini bukan bermakna bahawa Islam menolak sains tetapi sains mestilah digunakan bersetujuan dengan Islam. Walaupun terbukti bahawa sains banyak membantu dan amat bermanfaat untuk manusia, tetapi sains hendaklah tunduk kepada Islam, bukannya Islam yang tunduk kepada sains. Dalam sains itu sendiri masih boleh wujud kesilapan dan ketidakpastian dan hal ini sering terjadi dan sentiasa sahaja ditemui di mana-mana. Justeru, menghukum seseorang berdasarkan sains, selain menyalahi hukum syarak, akan menyebabkan kezaliman kepada si tertuduh.

DNA sememangnya boleh dijadikan *qarinah* untuk menyokong sesuatu pertuduhan, namun DNA tidak boleh sekali-kali digunakan untuk mensabitkan seseorang itu dengan kesalahan. Ini kerana, *qarinah* tidak termasuk salah satu dari jenis ‘bukti’ secara *syarie*. *Qarinah* dan *baiyyinah* adalah dua perkara yang berbeza dan mesti dibezakan. *Qarinah* merupakan satu hal yang boleh menunjukkan berlakunya sesuatu yang ingin dibuktikan, tetapi ia bukanlah bukti secara tersendiri. Contohnya di dalam kes zina, Islam telah pun menetapkan hukum pembuktianya yang tersendiri iaitu dengan tiga cara yakni (i) mesti mendatangkan empat orang saksi (lelaki). Tidak cukup dengan empat saksi, Islam menetapkan lagi bahawa kesemua saksi itu mestilah melihat dengan jelas kejadian zina itu umpama ‘timba masuk ke dalam pergi’ (ii) ‘pengakuan’ dari penzina itu sendiri (iii) khusus bagi perempuan, bukti kehamilannya, dengan syarat perempuan itu disahkan belum berkahwin dan tidak ada bukti bahawa dia dirogol atau masuknya air mani lelaki ke dalam farajnya dengan cara lain selain perzinaan. Justeru, sekiranya ketiga-tiga cara pembuktian ini tidak wujud atau gagal dibuktikan, maka ia tidak boleh disabitkan dengan kesalahan zina.

Katahalah terbukti sekalipun melalui kaedah DNA di mana terdapat DNA (atau air mani) seorang lelaki di dalam farajnya, keadaan ini hanyalah menjadi ‘*qarinah*’ bahawa telah terjadi perzinaan di antara lelaki dan wanita terbabit. Inipun hanyalah kemungkinan sahaja, kerana dari segi fakta, boleh sahaja air mani masuk ke dalam faraj seseorang wanita melalui cara lain (tanpa perzinaan). Namun, apa yang lebih penting adalah persoalan *baiyyinat* yang perlu diperhatikan! Tanpa adanya empat orang ‘saksi’ atau ‘pengakuan’ dari perempuan atau lelaki yang berzina itu, maka dia tidak boleh disabitkan dengan kesalahan zina atau dengan kata lain dia tidak boleh dihukum kerana tidak ada ‘bukti’ bahawa dia telah berzina. Tidak ada bukti kerana tidak adanya ‘pembuktian’ yang ditetapkan oleh nas, untuk membolehkan dia disabit atau dihukum dengan kesalahan zina. Yang wujud hanyalah *qarinah* yang menunjukkan bahawa mungkin telah berlaku ‘aktiviti’ zina (melalui pengesahan DNA dari air mani), namun ‘pembuktian’ (*baiyyinat*) zina langsung tidak wujud! Begitulah juga dengan kes liwat di mana berdasarkan hukum pembuktian di dalam Islam, liwat hanya akan terbukti dengan (i) pengakuan atau (ii) kesaksian 2 orang saksi atau seorang lelaki dan dua orang perempuan (yang adil). Sekiranya tidak dapat dibuktikan melalui dua cara ini, maka kes liwat sebenarnya tidak terbukti dan tertuduh mesti dilepaskan. Sekiranya benar sekalipun tertuduh melakukan liwat (tanpa dapat dibuktikan), walaupun dia terlepas di dunia, namun dia sekali-kali tidak akan terlepas di akhirat.

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Seperkara yang kita perlu ingat ialah, sekiranya DNA boleh dijadikan sebagai bukti (untuk menjatuhkan hukum), maka ini secara automatik akan menjadikan hukum syarak tentang pembuktian seolah-olah tidak ada nilainya. Kenapa? Kerana keperluan ‘empat atau dua orang saksi’ sudah tidak lagi diperlukan, cukuplah dgn DNA untuk membuktikan segala-galanya! Padahal keperluan dua atau empat saksi adalah ketetapan dari Allah SWT secara *qath'i* di dalam Al-Quran. Dengan demikian, mana-mana hakim yang memutuskan kesalahan seseorang hanya berdasarkan DNA, maka dia sesungguhnya telah menyalahi ketetapan dari Allah dan ini merupakan suatu kezaliman. *Na'uzubillah min zalik*. Sesungguhnya tidak akan pernah wujud keadilan selama-lamanya selagi mana sesuatu kes itu dibicarakan menurut undang-undang manusia, bukannya undang-undang Allah. Justeru, pertelaghanan demi pertelaghanan yang muncul dalam kes ini, segalanya akan mengundang kepada kesia-siaan selagi mana ia diperdebatkan di sepanjang koridor sekularisme! Justeru, marilah kita sama-sama berusaha menukar sistem *tagħut* ini kepada sistem Islam agar semua pihak akan benar-benar mendapat keadilan.